

Berita Sarawak

Pasangan wanita dan lelaki terlibat dadah diberkas polis

September 3, 2015, Thursday

MIRI: Seorang wanita dan seorang lelaki disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah telah diberkas polis pagi semalam.

Tangkapan ke atas mereka dibuat hasil serbuan polis ke sebuah rumah yang terletak di Jalan Dato Permaisuri 2C, Bandar Baru Permyjaya di sini.

Terdahulu, bertindak atas maklumat diterima, sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah (BSJND) Miri yang diketuai Sub-Inspektor Bakar Drahman telah membuat serbuan ke rumah terbabit.

Dalam serbuan dilakukan sekitar jam 9.55 pagi itu, polis menahan seorang wanita berada di dalam sebuah bilik di rumah tersebut untuk tujuan pemeriksaan kerana disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.

Ketika diperiksa, suspek telah menyerahkan sebuah beg pinggang warna hitam tertera tulisan "B" mengandungi satu paket plastik lutsinar berisi ketulan kristal dipercayai dadah berbahaya jenis syabu dengan anggaran berat 0.13 gram.

Barang disyaki dadah itu telah dirampas untuk dijadikan barang kes.

Dalam serbuan sama, polis turut menahan seorang lelaki di kawasan belakang rumah berkenaan kerana disyaki terlibat kegiatan serupa.

Berikutan itu, kedua-dua suspek yang berusia 34 dan 37 tahun masing-masing dari Long Mengkabah dan Long Silat, Baram telah dibawa ke pejabat BSJND Miri untuk menjalani ujian saringan awal air kencing.

Hasil ujian mendapat kedua-duanya positif dadah jenis Amphetamine. Sehubungan itu, mereka ditangkap untuk membantu siasatan lanjut polis mengikut Seksyen 12 (2) dan 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952.